

21 JUL 1999

FORUM ASIA-AFRIKA

FORUM PERNIAGAAN AFRIKA-ASIA DARI 25 HINGGA 29 OKTOBER

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Forum Perniagaan Afrika-Asia (AABF) akan diadakan di sini Oktober ini dalam usaha untuk meningkatkan hubungan antara masyarakat perniagaan Afrika dan Asia.

Forum perniagaan yang akan berlangsung selama lima hari dari 25 hingga 29 itu bertujuan mengadakan wadah bagi peserta-peserta untuk bertukar-tukar maklumat, memupuk hubungan yang lebih erat dan mengenal pasti serta berunding mengenai janji niaga baru dengan bakal rakan kongsi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan ucapan dasar pada forum ini.

Menurut perunding AABF Datuk J Jegathesan, lebih 300 usahawan dan pembuat keputusan utama daripada lebih 30 negara Afrika dan Asia dijangka menyertai forum ini.

Dalam satu taklimat hari ini, Jegathesan berkata AABF telah dimulakan oleh Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) dengan kerjasama kerajaan Malaysia, Agensi Jaminan Pelaburan Pelbagai Hala (MIGA) Kumpulan Bank Dunia dan and Malaysian South-South Corporation Bhd (Masscorp), dengan dibiayai oleh kerajaan Jepun.

Menurut beliau, perusahaan kecil dan sederhana di Afrika perlu memaju dan memperkukuhkan operasi mereka melalui hubungan dengan rakan-rakan seperjuangan Asia yang sudah kukuh, yang mempunyai pengetahuan teknikal dan pengalaman perniagaan.

Antara negara-negara yang dijangka diwakili pada forum ini ialah Mesir, Cameroon, Algeria, Libya, Mauritius, Botswana, Maghribi, Swaziland dan Tunisia.

Peserta-peserta daripada pelbagai sektor seperti tekstil, perabot dan keluaran kayu, pemprosesan tani, makanan dan minuman, kejuruteraan ringan, bekalan perubatan/ubat-ubatan, perlombongan, bahan binaan, komunikasi, perkhidmatan kewangan dan tenaga serta elektrik dan elektronik dijangka menghadiri forum tersebut.

Malaysia kini menceburi perniagaan di Namibia, Afrika Selatan, Ghana, Mauritius, Tanzania dan Zimbabwe. -- BERNAMA

WNZ KY OS